

Malaysia hilang keyakinan

U.M. 12 JAN 1993

KUALA LUMPUR 11 Jan. — Malaysia sudah hilang kepercayaan kepada kuasa-kuasa besar yang menguasai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atas kegagalan mereka menyelesaikan konflik di Bosnia-Herzegovina, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir hari ini.

Ekoran kegagalan itu, Dr. Mahathir berkata, Malaysia juga tidak lagi mempercayai apa jua prinsip negara-negara tersebut khususnya yang terlibat kesanggupan mereka mempertahankan hak-hak asasi manusia di dunia ini.

"Kita sudah hilang kepercayaan kepada kuasa-kuasa besar yang selalu bercakap mengenai hak-hak asasi manusia, demokrasi sehingga mahu memeriksa Malaysia sama ada mengamalkan hak itu atau tidak," katanya kepada para pemberita selepas melancar Lebuh Raya Baru Lembah Klang

(LBLK) di Plaza Tol Jalan Duta di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pembunuhan Timbalan Perdana Menteri Bosnia-Herzegovina, Hakija Turajlic oleh pengganas Serb semasa dalam perlindungan keselamatan pasukan pengaman PBB di negara itu kelmarin.

Menurut Perdana Menteri, kuasa-kuasa besar yang mendukung PBB itu hanya berani campur tangan dalam konflik-konflik yang mempunyai kos yang rendah serta sukar dibinasakan.

"Negara-negara ini sanggup menempatkan pesawat tentera di Iraq, kononnya orang Iraq akan membinasakan puak-puak Syiah tetapi di Bosnia sampai 50,000 wanita negara itu dirogol pengganas Serb mereka biarkan," tegas Dr. Mahathir.

Kuasa-kuasa besar ini kata Dr. Mahathir, sang-

gup berperang dengan Iraq dan lain-lain negara seperti Nicaragua dan Panama atas alasan untuk memeriksa sama ada negara berkenaan benar-benar mengamalkan prinsip-prinsip kemanusiaan.

Dalam soal ini, Dr. Mahathir berpendapat, kuasa-kuasa besar PBB itu sebenarnya takut untuk memerangi puak Serb kerana khawatir sebilangan tentera mereka akan terkorban dalam peperangan itu.

Atas sebab inilah kata Perdana Menteri, kuasa-kuasa besar itu tidak sanggup mendukung prinsip mereka sendiri untuk mempertahankan hak-hak kemanusiaan di dunia ini.

"Kita tidak berupaya berperang dengan kuasa-kuasa besar ini, tetapi sekiranya kita membuat tindakan sebagaimana yang dilakukan oleh Serbia, kuasa-kuasa besar ini tetap tidak akan berbuat apa-apa," jelasnya.